- 20.2 Perlindungan takaful akan dikuatkuasakan apabila terdapat peruntukkan tabarru' ke dalam dana tabarru' peserta.
- 20.3 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan Syariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti-sekuriti dan aset-aset yang mematuhi Syariah.
- 20.4 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 20.5 Sebarang keuntungan pelaburan daripada dana tabarru' peserta (jika ada) adalah sebahagian daripada pengiraan dan pengagihan perkongsian lebihan.
- 20.6 Sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada dana tabarru' peserta selepas pembayaran balik Qard (jika ada) pada akhir tahun kewangan akan diagihkan setiap tahun seperti yang berikut:
- (a) 50% kepada kami sebagai insentif; dan
 - (b) 50% ke dalam akaun universal pemilik sijil.
- 20.7 Pemilik sijil layak untuk sebarang pengagihan lebihan, jika ada, dengan syarat sijil takaful tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya pemilik sijil layak untuk sebarang pengagihan lebihan, tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 23 lampiran ini pada tarikh pengagihan lebihan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 25 lampiran ini.
- 20.8 Jika dana tabarru' peserta adalah tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, dan kami mengaturnya Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana pengendali kepada dana tabarru' peserta, Qard akan dibayar balik apabila dana tabarru' peserta kembali kepada paras lebihan.

21. Penyerahan sijil takaful

- 21.1 Selepas penamatan kemudahan pembiayaan sewaktu sijil takaful masih berkuatkuasa, orang yang dilindungi boleh meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful. Walau bagaimanapun yang berlainan, pemilik sijil boleh memilih untuk menyerahkan sijil takaful untuk nilai tunai, jika ada, dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dan/atau kami, tertakluk kepada persetujuan pemegang kontrak induk.

Serahan akan tertakluk kepada yuran wakalah tertunda (jika berkenaan) seperti yang ditetapkan dalam jadual yuran wakalah dan yuran-yuran sijil lain.

- 21.2 Setelah sijil takaful diserahkan, kami tidak akan lagi mempunyai tanggungjawab ke atas orang yang dilindungi di bawah sijil takaful dan sijil takaful akan ditamatkan. Nilai serahan, jika ada, mungkin kurang daripada sumbangan yang telah anda bayar.
- 21.3 Kami berhak untuk menangguhkan pemprosesan dan pembayaran jumlah serahan sehingga 6 bulan dari tarikh permintaan termasuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keadaan luar biasa yang berikut:
- (a) berlaku kejadian campur tangan yang menyebabkan penutupan sementara mana-mana bursa saham di mana aset akaun universal dilaburkan;
 - (b) pengisytiharan darurat;
 - (c) pengisytiharan perang atau rusuhan; atau
 - (d) berlaku kejadian bencana.
- 21.4 Klausula 7 akan dikuatkuasa jika pemilik sijil membatalkan sijil takaful dalam tempoh semakan percuma.

22. Nilai serahan

- 22.1 Sijil takaful akan memperolehi nilai serahan bersamaan dengan jumlah nilai akaun universal, tolak yuran wakalah tertunda (jika ada) seperti yang ditetapkan dalam jadual yuran wakalah dan yuran-yuran sijil lain untuk manfaat-manfaat asas, tolak sebarang keterhutangan.

23. Penamatan

- 23.1 Sijil takaful akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
 - (b) Apabila orang yang dilindungi mengalami TPD, jika manfaat TPD sama dengan jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian;
 - (c) Apabila sijil takaful luput seperti yang ditetapkan di bawah klausula 28.2;
 - (d) Apabila sijil takaful diserahkan oleh pemilik sijil;
 - (e) Apabila kontrak dibatalkan oleh pemilik sijil; atau
 - (f) Pada tarikh tamat seperti yang tertera di dalam sijil takaful.

24. Undang-undang

- 24.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Shariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Shariah akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 24.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip Shariah, undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip Shariah tersebut akan dikuatkuasakan.
- 24.3 Kontrak induk ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

25. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 25.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 25.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada pemilik sijil di bawah sijil takaful (sebagai contoh: manfaat-manfaat) untuk membayar balik sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami di bawah sijil takaful (sebagai contoh: tabarru').
- 25.3 Sekiranya jumlah yang akan dibayar semasa pengagihan lebihan (jika ada), keuntungan pelaburan (jika ada) dan/atau kematangan sijil takaful (jika ada) adalah bersamaan dengan atau kurang daripada RM10 bagi setiap pemilik sijil pada setiap tahun kewangan, ia akan dikreditkan ke akaun bank terkini pemilik sijil mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank pemilik sijil tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

26. Notis tuntutan

- 26.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

27. Bukti tuntutan

- 27.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan anda atau wakil sah anda.
- 27.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.
- 27.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkeelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantikan, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

28. Pemberhentian sumbangan

- 28.1 Jika terdapat sumbangan untuk sijil takaful tidak dibayar (selepas tempoh tenggang 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar) dan jumlah nilai akaun universal adalah mencukupi untuk membayar tabarru' bagi sijil takaful untuk mengekalkan perlindungan takaful dan manfaat-manfaat yang berkaitan

dengan sijil takaful, tabarru' akan ditolak daripada akaun universal seperti yang ditetapkan dalam jadual yuran wakalah dan yuran-yuran sijil lain.

- 28.2 Jika jumlah nilai akaun universal adalah tidak mencukupi untuk membayar tabarru' bagi sijil takaful untuk mengekalkan perlindungan takaful dan manfaat-manfaat yang berkaitan, sijil takaful akan luput dan orang yang dilindungi tidak lagi mempunyai sebarang perlindungan takaful, manfaat atau nilai.

29. Pengembalian semula sijil

- 29.1 Sekiranya sijil takaful luput, pemilik sijil boleh memohon untuk mengembalikan semula sijil takaful dalam masa 12 bulan dari tarikh sijil diluputkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pemilik sijil melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
 - (b) pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi memperakui dengan jujur kesemua fakta di dalam borang pengembalian semula;
 - (c) pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah kami minta;
 - (d) pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi membayar semua sumbangan tertunggak yang kami tentukan; dan
 - (e) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami kenakan selepas penilaian pengunderaitan kami dan terma-terma serta syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh pemilik sijil pada masa permohonan untuk pengembalian semula.
- 29.2 Sekiranya kami mengetahui terdapat sebarang maklumat yang tidak benar atau disembunyikan, kami akan mengetepikan (seterusnya menamatkan) sijil takaful yang dikembalikan semula. Kami hanya boleh melakukannya dalam masa 2 tahun pertama selepas pengembalian semula sijil takaful, kecuali kami dapat membuktikan berlaku penipuan atau, jika pemilik sijil gagal membayar sumbangan-sumbangan.
- 29.3 Jika kami mengetepikan sijil takaful yang dikembalikan semula (atas sebab selain daripada penipuan), kami akan membayar balik:
- (a) jumlah tabarru' yang dikutip kurangkan dengan sebarang lebihan yang dikongsi sejak tarikh pengembalian semula terakhir; dan
 - (b) jumlah nilai akaun universal sejurus selepas tarikh kami membuat keputusan untuk membatalkan sijil takaful, tolak yuran wakalah tertunda (jika ada).
- 29.4 Kami akan memberi perlindungan takaful di bawah sijil takaful untuk tempoh di antara tarikh sijil takaful diluputkan dan tarikh kami meluluskan pengembalian semula tersebut.

30. Cukai

- 30.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

31. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 31.1 Sekiranya orang yang dilindungi mempunyai indicia Amerika Syarikat dan bersetuju memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA). Permintaan ini termasuk tetapi tidak terhad sebarang laporan kepada *U.S Internal Revenue Service* (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi atau waris yang berkaitan dengan sijil takaful. Sekiranya orang yang dilindungi gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan seperti yang dinyatakan di atas, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mematuhi FATCA, yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil takaful orang yang dilindungi, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil takaful dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa faedah sekiranya penamatan tersebut berlaku.
- 31.2 Untuk tujuan kontrak induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh *U.S Internal Revenue Service (IRS)* melalui laman web mereka di www.irs.gov, atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

32. Membayar manfaat

- 32.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar anda amaun kemudahan pembiayaan tertunggak sebenar atau amaun manfaat yang akan dibayar seperti yang tertera di sijil takaful, yang mana lebih rendah.
- 32.2 Sijil takaful akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.
- 32.3 Jika amaun pembiayaan tertunggak sebenar adalah kurang daripada amaun perlindungan takaful, baki apa-apa manfaat yang patut dibayar akan dibayar kepada orang yang dilindungi, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi.
- 32.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak yang menuntut yang disahkan.

33. Duti setem

- 33.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

LAMPIRAN SAI004

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini dan sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuktamad mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang mana lebih tinggi di antara:
 - (a) jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian pada tarikh kematian; atau
 - (b) jumlah nilai akaun universal pada tarikh kematian.
- 1.2 Manfaat kematian adalah dibayar daripada akaun universal (jika ada) dan, baki manfaat kematian selepas ditolak nilai akaun universal yang telah dibayar, akan dibayar daripada dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.4 Sijil takaful akan ditamatkan apabila berlaku pembayaran tuntutan atas manfaat ini.

2. Manfaat kematian akibat kemalangan

- 2.1 Sekiranya kematian orang yang dilindungi adalah disebabkan oleh kemalangan dan berlaku dalam tempoh 180 hari dari tarikh kejadian kemalangan, jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akibat kemalangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful akan dibayar daripada dana tabarru' peserta sebagai tambahan ke atas manfaat yang akan dibayar di bawah klausa 1 lampiran ini.
- 2.2 Manfaat kematian akibat kemalangan akan tamat pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-75 orang yang dilindungi.
- 2.3 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat kematian akibat kemalangan patut dibayar di bawah klausa 2.1 lampiran ini kepada orang yang dilindungi di bawah sijil takaful dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok lain yang kami keluarkan tidak boleh melebihi RM5,000,000.
- 2.4 Sijil takaful akan ditamatkan apabila berlaku pembayaran tuntutan atas manfaat ini.

3. Pengecualian-pengecualian

- 3.1 Tiada manfaat kematian akan dibayar jika kematian orang yang dilindungi disebabkan oleh bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula terakhir sijil, yang mana terkemudian.

Dalam kes ini, sijil takaful akan ditamatkan dan jumlah nilai akaun universal (jika ada) pada tarikh kematian akan dibayar.
- 3.2 Tiada manfaat tambahan akan dibayar jika kematian orang yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:
 - (a) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
 - (b) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau pegawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;

- (c) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- (d) Ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau kesakitan atau penyakit sebarang jenis, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan;
- (e) Bersalin, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;
- (f) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- (g) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (h) Terlibat di dalam sukan atau hobi atau aktiviti berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lompat, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, mana-mana jenis perlumbaan selain daripada berjalan kaki;
- (i) Kecacatan atau ketidakupayaan mental atau fizikal yang sedia ada;
- (j) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras;
- (k) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- (l) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk; atau
- (m) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuaiannya atau secara sengaja.

4. Prosedur tuntutan

- 4.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- 4.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 4.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

5. Penamatan perlindungan

5.1 Manfaat kematian akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
- (b) Seperti yang tertera di bawah klausa 5.1(b) lampiran SAI005;
- (c) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas tarikh di mana jumlah nilai akaun universal menjadi tidak mencukupi untuk membuat penolakan yang berkenaan daripadanya dan jumlah nilai akaun universal masih lagi tidak mencukupi sehingga ulang tahun bulan sijil tersebut;
- (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
- (e) Apabila sijil takaful dibatalkan; atau
- (f) Pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam jadual sijil.

5.2 Manfaat kematian akibat kemalangan akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian akibat kemalangan;
- (b) Seperti yang tertera di bawah klausa 5.1(b) lampiran SAI005;
- (c) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas tarikh di mana jumlah nilai akaun universal menjadi tidak mencukupi untuk membuat penolakan yang berkenaan daripadanya dan jumlah nilai akaun universal masih lagi tidak mencukupi sehingga ulang tahun bulan sijil tersebut;
- (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
- (e) Apabila sijil takaful dibatalkan;
- (f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir ke-75 orang yang dilindungi; atau
- (g) Pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam jadual sijil.

LAMPIRAN SAI005

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal

- 1.1 Manfaat ini hanya berkenaan jika orang yang dilindungi mengalami TPD sebagaimana yang ditakrifkan di dalam lampiran SAI003, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 75 tahun, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang berikut, yang mana lebih tinggi:
 - (a) jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula; atau
 - (b) jumlah nilai akaun universal pada tarikh TPD bermula.
- 1.3 Manfaat TPD adalah dibayar daripada akaun universal (jika ada) dan, baki manfaat TPD selepas ditolak nilai akaun universal yang telah dibayar, akan dibayar daripada dana tabarru' peserta.
- 1.4 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.5 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar kepada seorang yang dilindungi di bawah sijil takaful dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang dikeluarkan tidak akan melebihi RM8,000,000.
- 1.6 Jika jumlah manfaat yang dibayar untuk manfaat TPD adalah kurang daripada jumlah manfaat yang dibayar untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful untuk manfaat kematian akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian dan jumlah nilai akaun universal akan dikurangkan selaras dengan nisbah jumlah manfaat yang dibayar untuk TPD kepada jumlah manfaat yang dibayar untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Pengurangan perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh tuntutan TPD diluluskan.
- 1.7 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil takaful seterusnya akan ditamatkan.

2. Manfaat hilang Upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat kemalangan

- 2.1 Sekiranya TPD orang yang dilindungi adalah disebabkan oleh kemalangan dan berlaku dalam tempoh 180 hari dari tarikh kejadian kemalangan, jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD akibat kemalangan, seperti yang tertera di dalam sijil takaful akan dibayar dari dana tabarru' peserta sebagai tambahan ke atas manfaat yang patut dibayar di bawah klausa 1 lampiran ini.
- 2.2 Manfaat TPD akibat kemalangan akan luput pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir ke-75 orang yang dilindungi.

3. Pengecualian-pengecualian

3.1 Tiada manfaat TPD akan dibayar jika TPD orang yang dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

- (a) Keadaan sedia ada;
- (b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- (c) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- (d) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- (e) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- (f) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (g) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lompat, mendaki gunung, aktiviti di bawah air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- (h) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- (i) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

3.2 Sebagai tambahan kepada pengecualian-pengecualian TPD di bawah klausa 3.1 lampiran ini, tiada manfaat tambahan akan dibayar jika TPD akibat kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- (a) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan pembakaran, pertahanan awam, polis atau pegawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- (b) Ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau kesakitan atau penyakit sebarangjenis, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan;
- (c) Bersalin, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;
- (d) Kecacatan atau ketidakupayaan mental atau fizikal yang sedia ada;
- (e) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk; atau
- (f) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuai atau secara sengaja.

4. Prosedur tuntutan

- 4.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 4.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.
- 4.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- 4.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkeelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

5. Penamatan perlindungan

- 5.1 Manfaat TPD dan manfaat TPD akibat kemalagan akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
 - (a) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
 - (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang akan dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian, sijil takaful ini tidak akan tamat dan perlindungan kematian akan diteruskan;
 - (c) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas tarikh di mana jumlah nilai akaun universal menjadi tidak mencukupi untuk membuat penolakan yang berkenaan daripadanya dan jumlah nilai akaun universal masih lagi tidak mencukupi sehingga ulang tahun bulanan sijil tersebut;
 - (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
 - (e) Apabila sijil takaful dibatalkan;
 - (f) Pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam jadual sijil; atau
 - (g) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 75 tahun.

LAMPIRAN SAI006

Peruntukan manfaat – Manfaat terakhir

1. Manfaat terakhir

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa pada tarikh tamat seperti yang tertera dalam jadual sijil, kami akan membayar nilai akaun universal (jika ada) kepada pemilik sijil pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam jadual sijil.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.3 Sijil takaful akan tamat sebalik sahaja pembayaran manfaat ini.

LAMPIRAN SAI007

Peruntukan rider – Rider Reducing Term Takaful

1. Penguatkuasaan rider

- 1.1 Rider ini berkenaan dengan orang yang dilindungi dan hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam jadual sijil di bawah sijil takaful.

2. Manfaat-manfaat

2.1 Manfaat kematian

- 2.1.1 Sebagai tambahan kepada manfaat kematian di bawah pelan asas dan tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu rider ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi rider ini (seperti yang tertera di dalam jadual sijil di bawah sijil takaful) untuk manfaat kematian pada tarikh kematian.
- 2.1.2 Manfaat kematian rider ini akan dibayar daripada Dana Tabarru' Peserta.
- 2.1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami daripada manfaat ini.

2.2 Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 2.2.1 Manfaat ini hanya berkenaan jika orang yang dilindungi mengalami TPD, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah lampiran SAI003 kontrak induk ini, semasa rider ini berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 2.2.2 Sebagai tambahan kepada manfaat TPD di bawah pelan asas dan tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu rider ini berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 75 tahun, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi rider ini (seperti yang tertera di dalam jadual sijil di bawah sijil takaful) untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula.
- 2.2.3 Manfaat TPD rider ini akan dibayar daripada Dana Tabarru' Peserta.
- 2.2.4 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 2.2.5 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang akan dibayar berkenaan dengan TPD orang yang dilindungi di bawah rider ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM8,000,000.
- 2.2.6 Jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat TPD adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful untuk kematian akan diteruskan dan manfaat TPD yang dibayar akan terhad kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat TPD. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Pengurangan jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

- 2.2.7 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Rider ini seterusnya akan ditamatkan.

3. Pengecualian-pengecualian

3.1 Pengecualian-pengecualian untuk manfaat kematian

- 3.1.1 Tiada manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.

Dalam keadaan ini, rider ini akan ditamatkan dan jumlah nilai akaun universal (jika ada) pada tarikh kematian, akan dibayar.

3.2 Pengecualian-pengecualian untuk manfaat TPD

- 3.2.1 Tiada manfaat TPD akan dibayar jika TPD orang yang dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

- (a) Keadaan sedia ada;
- (b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- (c) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau pengawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- (d) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- (e) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- (f) Memasuki, mengendalikan atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan sebarangperanti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (g) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lalaba, mendaki gunung, aktiviti di bawah air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- (h) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- (i) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

4 Prosedur tuntutan

4.1 Prosedur tuntutan untuk manfaat kematian

- (c) Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian tersebut. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- (d) Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- (e) Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

4.2 Prosedur tuntutan untuk manfaat TPD

- (a) Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- (b) Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.
- (c) Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- (d) Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkeelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

5. Penamatan perlindungan

5.1 Manfaat rider ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
- (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider untuk manfaat TPD adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang akan dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan rider bagi manfaat kematian, rider ini tidak akan tamat dan perlindungan kematian akan diteruskan;
- (c) Pada tarikh manfaat tamat rider seperti yang tertera di dalam jadual sijil; atau
- (d) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas orang yang dilindungi hari lahir ke-75 (dikenakan kepada manfaat TPD sahaja); atau
- (e) Apabila perlindungan takaful ditamatkan seperti yang ditetapkan di klausa 23 di bawah lampiran SAI003.

6. Peruntukan am

6.1 Pengembalian semula

Sekiranya rider ini luput, pemilik sijil boleh memohon untuk mengembalikan semula rider dengan pelan asas, tertakluk kepada syarat seperti yang diterangkan dalam klausa 29 di bawah lampiran SAI003.

6.2 Pembatalan

6.2.1 Melainkan yang sebaliknya diberikan, pemilik sijil boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa dengan syarat notis bertulis kepada kami. Rider ini akan dianggap ditamatkan pada ulang tahun bulanan sijil yang berikutnya.

6.2.2 Tiada pengembalian semula bagi rider adalah dibenarkan apabila rider ini sudah dibatalkan.

Jadual yuran wakalah dan peruntukan sumbangan untuk Rider Reducing Term Takaful

1. Yuran wakalah rider

- 1.1 Sila rujuk kepada sijil takaful.

2. Peruntukan sumbangan

- 2.1 Sila rujuk kepada sijil takaful.

3. Takrifan

- 3.1 Tahun sijil adalah ditakrifkan sebagai:

Tempoh 12 bulan antara 2 ulang tahun sijil.

- 3.2 Tahun sumbangan adalah ditakrifkan sebagai:

Bayaran penuh 1 tahun bagi sumbangan-sumbangan berkala akan menjadikan ia 1 tahun sumbangan. Tahun sumbangan akan didahulukan sebanyak 1 tahun selepas pembayaran setiap 1 tahun sumbangan-sumbangan berkala.

LAMPIRAN SAI008

Peruntukan rider – Rider Level Term Takaful

1. Penguatkuasaan rider

- 1.1 Rider ini berkenaan dengan orang yang dilindungi dan hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam jadual sijil di bawah sijil takaful.

2. Manfaat-manfaat

2.1 Manfaat kematian

- 2.1.1 Sebagai tambahan kepada manfaat kematian di bawah pelan asas dan tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu rider ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang dilindungi bagi rider ini (seperti yang tertera di dalam jadual sijil di bawah sijil takaful) untuk manfaat kematian pada tarikh kematian.
- 2.1.2 Manfaat kematian rider ini akan dibayar daripada Dana Tabarru' Peserta.
- 2.1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami daripada manfaat ini.

2.2 Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 2.2.1 Manfaat ini hanya berkenaan jika orang yang dilindungi mengalami TPD, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah lampiran SAI003 kontrak induk ini, semasa rider ini berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 2.2.2 Sebagai tambahan kepada manfaat TPD di bawah pelan asas dan tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu rider ini berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 75 tahun, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar jumlah yang dilindungi bagi rider ini (seperti yang tertera di dalam jadual sijil di bawah sijil takaful) untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula.
- 2.2.3 Manfaat TPD rider ini akan dibayar daripada Dana Tabarru' Peserta.
- 2.2.4 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 2.2.5 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang akan dibayar berkenaan dengan TPD orang yang dilindungi di bawah rider ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM8,000,000.
- 2.2.6 Jika jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat TPD adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful untuk kematian akan diteruskan dan manfaat TPD yang dibayar akan terhad kepada jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat TPD. Jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Pengurangan jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

- 2.2.7 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Rider ini seterusnya akan ditamatkan.

3. Pengecualian-pengecualian

3.1 Pengecualian-pengecualian untuk manfaat kematian

- 3.1.1 Tiada manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.

Dalam keadaan ini, rider ini akan ditamatkan dan jumlah nilai akaun universal (jika ada) pada tarikh kematian, akan dibayar.

3.2 Pengecualian-pengecualian untuk manfaat TPD

- 3.2.1 Tiada manfaat TPD akan dibayar jika TPD orang yang dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

- (a) Keadaan sedia ada;
- (b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- (c) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau pengawai organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- (d) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- (e) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- (f) Memasuki, mengendalikan atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (g) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lompat, mendaki gunung, aktiviti di bawah air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- (h) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- (i) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

4. Prosedur tuntutan

4.1 Prosedur tuntutan untuk manfaat kematian

- (a) Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian tersebut. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabahnyanya tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- (b) Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- (c) Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

4.2 Prosedur tuntutan untuk manfaat TPD

- (a) Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- (b) Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.
- (c) Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- (d) Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

5. Penamatan perlindungan

5.1 Manfaat rider ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
- (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika jumlah yang dilindungi rider untuk manfaat TPD adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi rider bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang akan dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi rider bagi manfaat kematian, rider ini tidak akan tamat dan perlindungan kematian akan diteruskan;
- (c) Pada tarikh manfaat tamat rider seperti yang tertera di dalam jadual sijil; atau
- (d) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas orang yang dilindungi hari lahir ke-75 (dikenakan kepada manfaat TPD sahaja); atau
- (e) Apabila perlindungan takaful ditamatkan seperti yang ditetapkan di klausa 23 di bawah lampiran SAI003.

6. Peruntukan am

6.1 Pengembalian semula

Sekiranya rider ini luput, pemilik sijil boleh memohon untuk mengembalikan semula rider dengan pelan asas, tertakluk kepada syarat seperti yang diterangkan dalam klausa 29 di bawah lampiran SAI003.

6.2 Pembatalan

6.2.1 Melainkan yang sebaliknya diberikan, pemilik sijil boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa dengan syarat notis bertulis kepada kami. Rider ini akan dianggap ditamatkan pada ulang tahun bulanan sijil yang berikutnya.

6.2.2 Tiada pengembalian semula bagi rider adalah dibenarkan apabila rider ini sudah dibatalkan.

Jadual yuran wakalah dan peruntukan sumbangan untuk Rider Level Term Takaful

1. Yuran wakalah rider

- 1.1 Sila rujuk kepada sijil takaful.

2. Peruntukan sumbangan

- 2.1 Sila rujuk kepada sijil takaful.

3. Takrifan

- 3.1 Tahun sijil adalah ditakrifkan sebagai:

Tempoh 12 bulan antara 2 ulang tahun sijil.

- 3.2 Tahun sumbangan adalah ditakrifkan sebagai:

Bayaran penuh 1 tahun bagi sumbangan-sumbangan berkala akan menjadikan ia 1 tahun sumbangan. Tahun sumbangan akan didahulukan sebanyak 1 tahun selepas pembayaran setiap 1 tahun sumbangan-sumbangan berkala.